

Warga SK Sungai Bedaun Berkongsi Nikmat Rezeki Dalam Ibadah Korban



Labuan – Seramai 47 murid daripada golongan asnaf dan anak yatim diraikan dalam program korban yang dianjurkan oleh Musalla Al Kauthar dengan kerjasama Panitia Pendidikan Islam dan Kelab Guru dan Staf, Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) pada 11 Ogos lalu di padang SKSB.

SK Sungai Bedaun telah mengadakan program korban sejak tahun 2018. Pada tahun ini, dua ekor lembu telah disumbangkan oleh guru-guru untuk ibadah korban.

Program ini diadakan sejurus selepas solat sunat Aidiladha dan selesai selepas solat zohor. Warga SKSB bersama Penggerak Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) bergotong-royong bagi menyempurnakan program ini.

Proses penyembelihan telah dilakukan oleh Ustaz Sahrum Bin Samlan, Penolong Pengarah Pembangunan Adab dan Nilai, Jabatan Pendidikan W.P.Labuan yang juga merupakan ahli PIBG dan alumni SKSB.

Menurut Puan Dayang Sarifah Binti A. Mahmod, Guru Besar SKSB, Program korban pada tahun ini sangat meriah dengan kehadiran ramai ibu bapa yang membantu pihak sekolah menguruskan kerja-kerja penyembeahan, melapah, mengagihkan daging serta memasak untuk kenduri korban.

"Alhamdulillah, majlis berjalan lancar dan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang dan semua yang terbabit menjayakan program korban tahun ini," katanya.



Puan Dg. Sarifah (dua dari kiri) mengagihkan daging korban dan juadah kenduri kepada penerima sambil diperhatikan oleh Puan Rina Farrina (kiri) dan Ustaz Sahrum (kanan).

Menurut Puan

Saudah Binti Abdul Wahab Penyelaras Program Korban, banyak permintaan daripada guru-guru untuk melaksanakan ibadah korban pada tahun ini namun pihak sekolah terpaksa menghadkan kepada dua ekor lembu sahaja memandangkan tenaga kerja

untuk melapah daging tidak mencukupi.

"InshaAllah,
pihak urusetia akan meneruskan program korban berkelompok
di tahun hadapan. Sekiranya
ada permintaan kita akan menambah kouta kepada tiga ekor
lembu". Katanya.

Antara juadah
yang disediakan untuk kenduri korban tersebut ialah sup
tulang, daging goreng
dan sayur campur. Daging yang siap
dibungkus kemudian diagihkan kepada golongan asnaf dan
anak yatim bermula jam
12.30 tengah hari. Pengagihan 143 kg daging korban juga
berjalan lancar dan
sistematis.

Semoga Program korban ini mendapat keberkatan serta
mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan warga SK Sungai
Bedaun dan komuniti setempat.

Pihak sekolah berharap agar program ini dapat memberi
sinar kegembiraan kepada golongan asnaf untuk sama-sama
meraikan Aidiladha dengan penuh kegembiraan.

Berita Oleh : SK Sungai Bedaun